



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DAN PENYESUAIAN TERHADAP
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA**

SALINAH BINTI PIT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAMPIRAN B**UP2015-360 32
Pnd : 04 muz VI

Sale Bandar (✓)
 Kartas Propri
 Sarjana Pengajian
 Sarjana Pengajian dan Kerja Kurus
 Doktor Falsafah

| |
|-------------------------------------|
| |
| |
| |
| <input checked="" type="checkbox"/> |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 30 (hari bulan). Sept. .(bulan) : 2019

i. Perakuan pelajar:

Saya, Salinah binti Pit, P20102001219, Fakulti Pembangunan Manusia
(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa
 disertasi/tesis PHD (Psikologi Pendidikan) yang _____ bertajuk

Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Penyesuaian dengan Pencapaian Akademik dalam kalangan

Pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia

mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang diberangkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr Hajah Ramlah binti Jantan **(NAMA PENYELIA)** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Penyesuaian dengan Pencapaian Akademik dalam kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru

Di Malaysia **(TAJUK)**
 dikeluarkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/seperuhnya syarat untuk memperoleh ijazah PHD (Psikologi Pendidikan).

(SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

30/9/2019

Tarikh

Ramlyah binti Jantan
DR. RAMLYAH BINTI JANTAN
 Pensyarah Kanan
 Jabatan Pengajian Pendidikan

Pindaan Mesyuarat Senat Kali Ke-171 Bil. 10/2018 Bertarikh 16 Oktober 2018
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI DAN PENYESUAIAN
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI
MALAYSIA

No. Matrik / Matrik No.: P20102001219

Saya / I : SALINAH BINTI PIT
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan
di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat
kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (√) from the categories below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 30 SEPTEMBER 2019

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Pendidikan
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan
dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach in with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya telah dapat saya menyempurnakan kajian ini. Selawat dan salam ke atas nabi junjungan, Rasullah s.a.w.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Ramlah binti Jantan dan Prof. Madya Dr. Aslina binti Ahmad yang selalu membantu dan tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini. Mudah-mudahan Allah akan memberkati dan merahmati Dr. Ramlah binti Jantan dan Prof. Madya Dr. Aslina binti Ahmad.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dekan dan pensyarah-pensyarah di Fakulti Pembangunan Manusia Universiti Sultan Idris yang memberi bantuan dan ilmu pengetahuan kepada saya selama berada di Fakulti ini.

Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan perghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Timbalan Naib Canselor Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana telah membenarkan saya menyambung pengajian secara separuh masa.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya tujuhan kepada Rektor IPGM, Pengarah IPGK, Pensyarah-Pensyarah dan pegawai-pegawai kerana telah memberi kerjasama untuk saya menjalankan kajian ini.



Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh ahli keluarga dan rakan-rakan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung semasa kaiian ini dijalankan.

Akhir sekali ribuan terima kasih kepada bapa saya Allahyarham Haji Pit bin Ayom dan ibu saya Hajah Favelah binti Basarah, Allahyarham bapa mertua Haji Mohd Yazam bin Hashim, dan ibu mertua saya Hajah Ton binti Ibrahim. Terima kasih juga kepada suami Haji Shamshudin bin Mohd Yazam serta anak-anak iaitu Muhammad Akmal bin Shamshudin, Muhammad Nazrul Aiman bin Shamshudin, Muhammad Harith Iqbal bin Shamshudin dan Syahirah Nurafiqah binti Shamshudin.



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara kecerdasan emosi dan penyesuaian dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru. Rekabentuk kajian ialah tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu bahagian A demografi, bahagian B Inventori Kecerdasan Emosi (IKEM-MEQI Remaja) versi 2 dan bahagian C ialah soal selidik penyesuaian yang diadaptasi daripada *Student Adaptation to College Questionnaire* (SACQ). Subjek kajian terdiri daripada 400 orang pelajar yang terbahagi kepada 204 orang pelajar lelaki dan 196 orang pelajar perempuan daripada 5 buah Institut Pendidikan Guru Kampus mengikut zon di Malaysia. Persampelan dipilih secara rawak berstrata. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia adalah pada tahap tinggi iaitu ($M=4.153, SP=0.336$) Dapatan kajian juga menjelaskan tahap penyesuaian dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia adalah pada tahap tinggi ($M3.566, SP=0.365$) Selain itu dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina, opsyen pengajian dan status ekonomi sosial. Hasil analisis ANOVA dua hala menjelaskan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina, opsyen dan status ekonomi sosial dalam penyesuaian. Selain itu dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan sederhana antara kesedaran kendiri dengan domain-domain kecerdasan emosi dan terdapat hubungan signifikan serta positif antara kecerdasan emosi dengan penyesuaian dan pencapaian akademik. Pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian adalah 33.6% ($R^2=0.336$) dan terdapat pengaruh signifikan dan positif kecerdasan emosi dan penyesuaian ke atas pencapaian akademik iaitu 1.7% ($R^2=0.017$). Terdapat pengaruh yang signifikan kecerdasan emosi terhadap penyesuaian sosial, penyesuaian akademik dan penyesuaian emosi Kesimpulannya hasil kajian ini menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru. Implikasinya pihak pensyarah, pentadbir, Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Kementerian Pelajaran Malaysia perlu menitikberatkan elemen kecerdasan emosi dan penyesuaian dalam kalangan pelajar supaya mereka lebih bersedia berhadapan dengan dunia sebenar kerjaya guru.





RELATIONSHIP BETWEEN EMOTIONAL INTELLIGENCE AND ADAPTATION OF ACADEMIC ACHIEVEMENT AMONG STUDENTS OF THE TEACHER EDUCATION INSTITUTE IN MALAYSIA

ABSTRACT

The objective of this study was to determine the relationship of emotional intelligence and adaptation to academic achievement among students of the Teacher Education Institute. This survey study is divided into three-part, A : demography, B : Emotional Intelligence Inventory (IKEM-MEQI) version 2 and C : adaptation questionnaire adapted from the Student Adaptation to College Questionnaire (SACQ). The subjects of the study consist of 400 students which was divided into 204 male and 196 female students from five different zone in Malaysia. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The findings showed that emotional intelligence among students of the Teacher Education Institute students is high ($M=4.153$, $SD=0.336$). The findings also showed that the level of adaptation among students of the Teacher Education Institute is high ($M=3.566$, $SD=0.365$). In addition, the findings also showed that there is no difference in the level of emotional intelligence based on gender, study options and social economic status. The results of the two-way ANOVA analysis revealed that there were no significant differences between gender, options and social economic status in the adaptation. Apart from that, there is a significant and positive relationship between self-awareness and domains of emotional intelligence and that there is a significant and positive relationship between emotional intelligence and academic achievement . The influence of emotional intelligence on adaptation at(33.6%; $R^2 = 0.336$) and there is significant and positive effect of emotional intelligence and adaptation on academic achievement (1.7%; $R^2 = 0.017$). There is a significant influence of social, academic and emotional adaptation on emotional intelligence. The results of this study suggest that emotional intelligence has a significant impact on the adaptation of the students of the Teacher Education Institute. Therefore lecturers, administrators, the Teacher Education Institute and the Ministry of Education Malaysia need to emphasize the elements of emotional intelligence and adaptation among students so that they are better prepared to face the real world of teacher's career.



KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|---|-------------------|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
| BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| KANDUNGAN | v |
| SENARAI RAJAH | vi |
| SENARAI JADUAL | vii |

BAB 1 PENGENALAN

| | |
|--|----|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.3 Penyataan Masalah | 9 |
| 1.4 Objektif Kajian | 13 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 15 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 16 |
| 1.7 Kerangka Konsep | 18 |
| 1.8 Definisi Konsep Dan Operational | 19 |
| 1.8.1 Kecerdasan Emosi | 19 |
| 1.8.2 Penyesuaian | 22 |
| 1.8.3 Pencapaian Akademik atau Purata Nilai Gred Semester (PNGS) | 23 |
| 1.8.4 Opsyen Pengajian | 24 |



| | |
|--|----|
| 1.8.5 Status Ekonomi Sosial | 24 |
| 1.8.6 Pelajar Institut Pendidikan Guru | 25 |
| 1.9. Kepentingan Kajian | 25 |
| 1.10. Batasan Kajian | 26 |
| 1.11 Rumusan | 27 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | |
|---|----|
| 2.1 Pendahuluan | 28 |
| 2.2 Isu Berkaitan Kecerdasan Emosi | 28 |
| 2.3 Teori -Teori Kecerdasan Emosi | 29 |
| 2.3.1 Teori Kecerdasan Emosi Goleman | 30 |
| 2.3.2 Teori Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer | 33 |
| 2.3.3 Teori Kecerdasan Emosi Reuven Bar-On | 35 |
| 2.4 Kajian Lepas Kecerdasan Emosi | 39 |
| 2.4.1 Profil Kecerdasan emosi Keseluruhan | 39 |
| 2.4.2 Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina | 48 |
| 4.3 Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Opsyen Pengajian | 52 |
| 4.4 Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Status Sosio Ekonomi | 53 |
| 2.4.5 Kecerdasan Emosi Dan Pencapaian Akademik | 54 |
| 2.4.6 Kajian Lepas Kecerdasan Emosi | 62 |
| 2.5 Konsep Penyesuaian | 71 |
| 2.6 Teori-Teori Penyesuaian | 76 |
| 2.6.1 Teori Perkembangan Hubungan Interpersonal Sullivan (1953) | 76 |
| 2.6.2 Teori Transisi Schlossberg (1981) | 84 |
| 2.7 Model Penyesuaian Baker Dan Siryk | 84 |





| | | |
|-------|---|----|
| 2.8 | Kajian Mengenai Penyesuaian Dalam Negara Dan Luar Negara | 88 |
| 2.8.1 | Penyesuaian Dengan Pencapaian akademik | 89 |
| 2.9 | Rumusan | 97 |

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|--|-----|
| 3.1 | Pengenalan | 98 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 99 |
| 3.3 | Populasi Dan Sampel Kajian | 99 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 101 |
| 3.4.1 | Soal Selidik Demografi Pelajar | 102 |
| 3.4.2 | Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia (IKEM) Versi Remaja | 102 |
| 3.4.3 | Hasil Analisis Faktor Kecerdasan Emosi-Lampiran 1 | 103 |
| 3.4.4 | Tatacara Menggunakan Instrumen Inventori Kepintaran Emosi Malaysia (R) | 103 |
| 3.4.5 | Soal Selidik Penyesuaian | 104 |
| 3.5 | Kebolehpercayaan Instrumen | 106 |
| 3.5.1 | Kebolehpercayaan Inventori Ikem | 106 |
| 3.5.2 | Soal Selidik Penyesuaian | 107 |
| 3.6 | Kesahan Konstruk | 108 |
| 3.6.1 | Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia | 108 |
| 3.6.2 | Penyesuaian | 108 |
| 3.7 | Kesahan Kandungan | 110 |
| 3.8 | Kajian Rintis | 110 |
| 3.9 | Tatacara Pemerolehan Data | 111 |
| 3.10 | Analisis Data | 111 |
| 3.11 | Rumusan Cara Analisis Persoalan Kajian | 113 |
| 3.12 | Kesimpulan | 114 |



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | |
|--|-----|
| 4.1 Pengenalan | 115 |
| 4.2 Latar Belakang Sampel | 116 |
| 4.3 Analisis Deskriptif | 120 |
| 4.3.1 Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar IPG | 120 |
| 4.3.2 Analisis Soal Selidik Domain Kecerdasan Emosi | 121 |
| 4.3.3 Pencapaian Akademik Pelajar IPGM | 139 |
| 4.3.4 Tahap PNGK Berdasarkan Jantina | 140 |
| 4.3.5 Tahap Penyesuaian Akademik, Sosial dan Emosi Dalam Kalangan Pelajar | 140 |
| 4.3.6 Tahap Penyesuaian Akademik, Sosial dan Emosi Berdasarkan Jantina | 141 |
| 4.4 Analisa Inferensi | 148 |
| 4.4.1 Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina dan Opsyen Pengajian . | 148 |
| 4.4.2 Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina dan Status Sosio Ekonomi . | 150 |
| 4.4.3 Hubungan Antara Domain Kesedaraan Kendiri Dengan Regulasi Kendiri dan Motivasi Kendiri, Empati, Kemahiran Sosial, Kerohanian dan Kematangan. | 152 |
| 4.4.4 Perbezaan Tahap Penyesuaian Bberdasarkan Jantina dan Opsyen Pengajian. | 154 |
| 4.4.5 Perbezaan Tahap Penyesuaian Berdasarkan Jantina dan Status Ekonomi Keluarga. | 155 |
| 4.4.6 Adakah Terdapat Hubungan Antara Kecerdasan Emosi Dengan Penyesuaian dan Pencapaian Akademik | 157 |
| 4.4.7 Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian | 158 |
| 4.4.8 Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian | 160 |
| 4.4.9 Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian | 162 |
| 4.4.10 Apakah Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Penyesuaian Terhadap Pencapaian Akademik | 164 |
| 4.5. Rumusan | 166 |



BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

| | |
|--|-----|
| 5.1 Pengenalan | 168 |
| 5.2 Ringkasan Kajian | 169 |
| 5.3 Perbincangan Hasil Kajian | 170 |
| 5.3.1 Kecerdasan Emosi Pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia | 171 |
| 5.3.2 Perbezaan Penyesuaian Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Malaysia | 173 |
| 5.3.3 Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina dan Opsyen Pengajian | 174 |
| 5.3.4 Kecerdasan Emosi dan Status Sosio Ekonomi | 177 |
| 5.3.5 Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Penyesuaian dan Pencapaian Akademik | 177 |
| 5.3.6 Pengaruh Kecerdasan Emosi Dengan Penyesuaian dan Pencapaian Akademik | 187 |
| 5.4 Implikasi Kajian | 197 |
| 5.5 Rumusan | 197 |
| 5.6 Cadangan Untuk Kajian Masa Hadapan | 199 |
| RUJUKAN | 201 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI RAJAH

| No. Rajah | | Muka Surat |
|-----------|--|------------|
| 1.7 | Rajah Kerangka Konsep | 18 |
| 2.3 | Rajah Model Tiga Faktor (Three Factor Model) | 87 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

| No. Jadual | | Muka Surat |
|-------------------|---|-------------------|
| 1.1 | Jadual Purata Nilaian Gred (PNG) | 24 |
| 2.1 | Peringkat Perkembangan Dalam Teori Sullivan (1953) | 77 |
| 2.2 | Penerangan Sub-Skala 'Student adaptation to College Questionnaire' (SACQ) | 86 |
| 3.1 | Pembahagi IPG di Malaysia Mengikut Zon | 100 |
| 3.2 | Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia (IKEM) setelah Penambahbaikan | 103 |
| 3.3 | Taburan Item Soal Selidik Penyesuaian (n=45) | 105 |
| 3.4 | Taburan Item Soal Selidik Penyesuaian (n=30) setelah Penambahbaikan | 106 |
| 3.5 | Nilai Kebolehpercayaan IKEM | 107 |
| 3.6 | Taburan Item Soal Selidik Penyesuaian (n=45) | 109 |
| 3.7 | Hasil Analisis Faktor Penyesuaian (Akademik, Sosial, Emosi) | 109 |
| 3.8 | Pengkelasan Takrifan Pekali Korelasi | 112 |
| 3.9 | Rumusan Cara Analisis Data | 113 |
| 4.1 | Latar Belakang Sampel | 116 |
| 4.2 | Skala Pengkelasan Skor Min | 120 |
| 4.3 | Skor Min Kecerdasan Emosi | 121 |



| | | |
|------|---|-----|
| 4.4 | Domain Kesedaran Kendiri | 122 |
| 4.5 | Domain Regulasi Kendiri | 125 |
| 4.6 | Komponen Motivasi Kendiri | 127 |
| 4.7 | Domain Empati | 130 |
| 4.8 | Domain Kemahiran Sosial | 134 |
| 4.9 | Domain Kerohanian | 137 |
| 4.10 | Domain Kematangan | 138 |
| 4.11 | Skor Min Pencapaian Akademik | 139 |
| 4.12 | Taburan Skor Min PNGK Berdasarkan Jantina | 140 |

| | | |
|------|---|-----|
| 4.13 | Penyesuaian Akademik, Sosial Dan Emosi | 140 |
| 4.14 | Tahap Penyesuaian Pelajar | 141 |
| 4.15 | Taburan Skor Min Penyesuaian Berdasarkan Jantina | 142 |
| 4.16 | Analisis Penyesuaian Akademik | 143 |
| 4.17 | Analisis Penyesuaian Sosial | 145 |
| 4.18 | Analisis Penyesuaian Emosi | 147 |
| 4.19 | Ujian Levene's Jantina Dan Opsyen Pengajian | 149 |
| 4.20 | Perbezaan Kecerdasan Emosi Jantina dan Opsyen Pengajian | 150 |
| 4.21 | Ujian Levene's Jantina Dan SES Keluarga | 151 |



| | | |
|------|--|-----|
| 4.22 | Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina Dan SES | 152 |
| 4.23 | Analisis Korelasi Pearson Hubungan antara Domain-Domain Kecerdasan Emosi | 153 |
| 4.24 | <i>Ujian Levene's Test of Equality of Error</i> | 154 |
| 4.25 | <i>Test of Between Subjects Effects</i> | 155 |
| 4.26 | <i>Ujian Levene's Test of Equality of Error Variances^a</i> | 156 |
| 4.27 | <i>Test of Between Subject Effects</i> | 157 |
| 4.28 | Hubungan Antara Penyesuaian Emosi Dengan Penyesuaian dan Pencapaian Akademik | 158 |
| 4.29 | ANOVA - Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian | 159 |
| 4.30 | <i>Model Summary^b</i> | 159 |
| 4.31 | Nilai Koefisi Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian Sosial | 160 |
| 4.32 | Hasil Analisis ANOVA Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian Akademik | 161 |
| 4.33 | <i>Model Summary^b</i> | 161 |
| 4.34 | Nilai Koefisi Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian Akademik | 162 |
| 4.35 | Hasil Analisis ANOVA Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian Emosi | 163 |
| 4.36 | <i>Model Summary^b</i> | 163 |
| 4.37 | Nilai Koefisi Pengaruh Kecerdasan Emosi Terhadap Penyesuaian Emosi | 164 |
| 4.38 | Hasil Analisis ANOVA Kecerdasan Emosi dan Penyesuaian Terhadap Pencapaian Akademik | 165 |
| 4.39 | <i>Model Summary^b</i> | 165 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xvi
ptbupsi

4.40

**Nilai Koefisi Pengaruh Kecerdasan Emosi
Terhadap Pencapaian Akademik dan
Penyesuaian**

166



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xvi
ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xvi
ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Untuk Penyelidikan
- B Soal Selidik Kajian
- C Borang Soal Selidik
- D Lampiran Hasil Analisis Faktor Kecerdasan Emosi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Malaysia memberi penekanan tinggi terhadap pembangunan modal insan kelas pertama dengan bina upaya merupakan pendekatan utama ke arah mencapai status negara maju pada tahun 2020. Modal insan ialahlah harta yang boleh disuntik nilai tambahnya, diinjakkan nilai inteleknya serta diperbanyakkan nilai budayanya.

Pembangunan modal insan yang berkualiti bergantung pada pendidikan yang berkualiti. Pendidikan yang berkualiti ini sangat penting dalam menghasilkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Pendidikan juga perlu membentuk modal insan yang mampu berfikiran kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan membina peluang baharu, mempunyai daya tahan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran global yang sering berubah. Pembangunan modal insan yang berkualiti





bukan sahaja membangunkan kecerdasan akademik tetapi juga kecerdasan emosi dan kerohanian yang meliputi pencapaian akademik dan kecerdasan emosi.

Penemuan Goleman (1999), menunjukkan bahawa kejayaan seseorang lebih banyak bergantung pada kecerdasan emosi daripada kecerdasan IQ. Memiliki kecerdasan emosi yang tinggi menjadi satu bonus dalam mencapai pelbagai kecemerlangan dalam kehidupan mereka. Kecerdasan emosi menentukan kebolehan pelajar membuat penyesuaian dalam situasi baharu yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan mereka. Kebolehan berdepan dengan cabaran dikaitkan dengan istilah kebolehan membuat penyesuaian (Wintre & Bower, 2007). Oleh itu, penyesuaian merupakan satu proses mengubah suai tingkah laku yang bersesuaian selari dengan perubahan dalam persekitaran.



Dalam konteks pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia, aspek kecerdasan emosi dan penyesuaian merupakan salah satu perkara yang perlu diberi perhatian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses pendidikan. Pelajar-pelajar yang sedang dalam alam remaja sering dikaitkan dengan jangka masa yang amat kompleks kerana semua perubahan fizikal, emosi dan personaliti harus mereka fahami dengan teliti supaya masalah penyesuaian boleh diatasi (Baker 1989, dalam Ramlah 2009). Oleh itu, aspek kecerdasan emosi dan penyesuaian harus diberi penekanan kerana pada masa inilah pelajar lebih cenderung bertindak mengikut kata hati dan pengaruh rakan sebaya. Sehubungan dengan itu, kecerdasan emosi dan penyesuaian amat penting untuk mengawal diri sendiri serta orang lain dalam kehidupan seharian.





Menurut Pool (1997), kecerdasan emosi menjadi subjek utama dalam menentukan pencapaian akademik, kejayaan kerjaya, kebahagiaan rumah tangga dan kesihatan fizikal. Kegagalan menangani cabaran-cabaran dalam penyesuaian merupakan punca utama pelajar meninggalkan universiti atau faktor utama menjelaskan pencapaian akademik mereka, (Wintre & Bower, 2007).

Hearst (1996), di dalam kajiannya menunjukkan bahawa kecerdasan emosi yang tinggi akan memberi sumbangan terhadap kognitif seseorang pelajar. Pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan menumpukan perhatian yang lebih baik terhadap pelajaran. Hal ini disokong dengan dapatan kajian Noriah et al. (2001) dan Noorlida (2004), yang membuktikan bahawa semakin tinggi kecerdasan emosi seseorang maka semakin baik pencapaian akademiknya.

Oleh itu, atas kesedaran betapa pentingnya pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru, maka kajian ini dijalankan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kecerdasan emosi dan penyesuaian telah menjadi satu topik yang begitu banyak dibincangkan oleh ahli psikologi sejak beberapa tahun kebelakangan ini. (Norhayati, 2012; Noriah, 2004; Mohd Faisal, 2011; Sabariah, 2013; Tan Ai Lee, 2014; dan Baskaran, 2018) telah membincang isu ini dalam kajian mereka. Walaupun bidang ini merupakan salah satu cabang dalam psikologi, namun bidang ini telah dapat menarik perhatian ramai pengkaji daripada pelbagai bidang khususnya dalam bidang pendidikan.





Minat pengkaji terhadap konsep kecerdasan emosi bermula melalui pembacaan terhadap penulisan-penulisan awal tentang kecerdasan emosi oleh Mayer dan Salovey (1990). Mereka ialah kumpulan pertama yang menggunakan istilah kecerdasan emosi atau *Emotional Intelligence* dan mengajinya daripada perspektif psikologikal menggunakan kaedah yang lebih sistematik. Mereka melihat kecerdasan emosi sebagai kebolehan seseorang untuk memantau perasaan sendiri dan perasaan orang lain serta membezakan antara perasaan-perasaan tersebut. Konsep ini mula menjadi perhatian ramai apabila Goleman menulis buku beliau yang bertajuk *Emotional Intelligence* (1995) dan *Emotional Intelligence at Work Place* (1998). Kedua-dua buku ini telah membuka minda ahli akademik dan masyarakat terhadap isu ini untuk dibincangkan serta dikaji daripada pelbagai perspektif.

Goleman (1999) telah mengkategorikan kecerdasan emosi kepada dua kecekapan, iaitu peribadi dan sosial. Dengan adanya kecerdasan emosi ini, seseorang itu boleh mengawal diri dan berinteraksi dengan lebih baik dengan masyarakat. Menurut Goleman (1999) lagi, kecerdasan emosi boleh meningkat melalui pertambahan usia, pengalaman hidup malahan kecerdasan ini boleh dipelajari. Lima faktor kecerdasan emosi yang diutarakan oleh beliau ialah kesedaran kendiri, regulasi kendiri, motivasi kendiri, empati dan kemahiran sosial.

Dapatan kajian BarOn (2003) terhadap kecerdasan emosi menunjukkan bahawa individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang lebih daripada purata berkecenderungan untuk mencapai kejayaan, boleh memenuhi kehendak dan dapat menempuh tekanan dari persekitaran secara keseluruhan. Beliau juga menyatakan bahawa individu yang rendah kecerdasan emosi akan mengalami kurang kejayaan dan menunjukkan masalah emosi. Secara amnya, BarOn menganggap kecerdasan emosi dan kecerdasan kognitif sama-sama menyumbang terhadap kecerdasan keseluruhan seseorang tetapi kecerdasan emosi merupakan satu indikator kepada





potensi seseorang untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan. BarOn telah menggunakan pendekatan *multifactorial* yang melibatkan 15 faktor kemahiran emosi untuk menggambarkan kecerdasan emosi seseorang.

Bearley (2004) pula menyatakan kecerdasan emosi seseorang ialah keupayaan seseorang individu dalam mengawal emosinya serta berupaya menggunakan pengawalan emosi untuk mencapai kejayaan dalam kehidupannya. Menurut beliau, pembelajaran yang berjaya melibatkan gabungan pemikiran, emosi dan perlakuan. Emosi merupakan pusat pengawalan proses pembelajaran seseorang individu. Emosi individu juga akan menentukan sama ada seseorang ingin belajar, celik emosi dan memahami emosi sendiri, dan juga orang lain.

Perkembangan yang sama juga berlaku di Malaysia apabila kajian awal yang dilakukan oleh Noriah, Siti Rahayah, Zuriah, Saemah dan Manisah (2001) telah dapat dilakukan oleh Noriah, Siti Rahayah, Zuriah, Saemah dan Manisah (2001) telah dapat membuktikan bahawa kecerdasan emosi mempunyai perkaitan yang positif dengan kebolehan kognitif serta kecekapan seseorang untuk menyelesaikan tugas. Justeru, sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang diketuai oleh Noriah (2004), telah menjalankan kajian yang lebih mendalam untuk melihat profil kecerdasan emosi dalam kalangan remaja dan pelajar di Malaysia. Hal ini telah menimbulkan minat ramai pengkaji lain di Malaysia yang mula mengkaji konsep ini daripada pelbagai perspektif (Tan 2014, Chin (2015), Suzyliana (2016), Vasuki (2016) dan Baskaran (2018).

Mengikut Sapora (2007), isu pendidikan sering kali menarik perhatian orang ramai terutamanya masalah yang melibatkan persoalan nilai, moral dan salah laku dalam kalangan warganya. Masalah disiplin sememangnya boleh menggugat emosi guru. Sekiranya masalah-masalah tersebut tidak ditangani dengan baik, guru cenderung untuk bertindak di luar emosinya. Keguruan merupakan profesi yang





amat terdedah pada tekanan. Guru yang gagal mengawal diri dari segi emosi akan memberi kesan terhadap perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pembelajaran dan pengajaran. Oleh itu, para pendidik yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi boleh menjayakan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan mutu pendidikannya pada peringkat globalisasi.

Sebenarnya masih ramai yang tidak mengetahui tentang konsep kecerdasan emosi (*EQ*). *EQ* merupakan konsep baharu jika dibandingkan dengan kecerdasan intelek (*IQ*). Istilah *Emotional Intelligence (EI)* atau (*EQ*) telah buat pertama kali dikemukakan oleh Salovey dan Mayer pada tahun 1990. Mengikut kajian yang dibuat oleh Goleman (1995), *IQ* hanya menyumbang 20% kepada kejayaan seseorang individu, sedangkan 80% lagi bergantung pada faktor luar termasuk *EQ*. Oleh itu, *EQ* menjadi terkenal dan mula dilihat sebagai unsur yang penting dalam menentukan kejayaan dan kebahagiaan hidup seseorang individu. Individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi berupaya mewujudkan jaringan kerja serta kolaboratif yang baik. Sebaliknya individu yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah; kebanyakannya gagal mengurus emosinya dengan efisien bahkan individu tersebut lebih cenderung menggunakan kuasa yang dimiliki sepenuhnya.

Arkoff, (dalam Maria, 2004) menyifatkan penyesuaian sebagai proses interaksi antara individu dengan persekitarannya. Beliau menyatakan setiap individu sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluannya dan mencapai matlamatnya dalam sesuatu persekitaran. Menurut Arkoff (1968), pelajar yang berjaya menyesuaikan diri di institusi pengajian ialah mereka yang mempunyai gred yang memuaskan, lulus dalam kursus yang diikuti, dan berjaya bergraduat. Sebaliknya, pelajar yang mempunyai masalah penyesuaian juga memperoleh gred yang tidak memuaskan, hampir gagal





atau gagal terus dalam pengajiannya, dan berhenti atau diberhentikan daripada pengajiannya sebelum bergraduat. Penyesuaian pelajar di institusi pengajian mengikut Arkoff (1968), bergantung pada dua faktor. Faktor pertama berkaitan dengan sejauh mana keperluan pelajar ini dipenuhi, manakala faktor kedua pula berhubung dengan sejauh mana pelajar dapat memenuhi tuntutan di institusi pengajian. Oleh itu, penyesuaian pelajar banyak bergantung pada persekitarannya.

Penyesuaian di institusi pengajian tinggi yang lebih terperinci telah dikemukakan oleh Baker dan Siryk (1984, 1986 dan 1999). Penyelidik tersebut mengatakan bahawa penyesuaian di institusi pengajian terdiri daripada pelbagai dimensi yang melibatkan jenis dan darjah tuntutan yang berbeza-beza. Tuntutan ini memerlukan usaha daya tindak yang pelbagai dan berbeza dari segi keberkesanannya. Baker dan Siryk (1984) seterusnya mengemukakan empat dimensi



penyesuaian yang harus dilalui oleh pelajar di institusi pengajian iaitu:



1. Penyesuaian Akademik,
2. Penyesuaian Sosial,
3. Penyesuaian Peribadi-Emosi Dan
4. Komitmen Matlamat/Perapatan Institusi.

Penyesuaian akademik (PA) terdiri daripada tuntutan pendidikan yang perlu dipenuhi oleh pelajar yang meliputi aspek seperti: motivasi (sikap dan motivasi terhadap matlamat dan tugasan akademik), aplikasi (sejauh mana motivasi terhadap matlamat dan tugasan akademik), aplikasi (sejauh mana motivasi ditunjukkan dalam usaha akademik yang sebenar atau kejayaan pelajar memenuhi keperluan akademik), prestasi (keberkesanan fungsi akademik), dan persekitaran akademik (kepuasan terhadap persekitaran akademik di institusi pengajian).





Penyesuaian sosial (PS) pula meliputi tuntutan daripada aspek penglibatan dalam aktiviti sosial, hubungan dengan orang lain di institusi pengajian, hubungan dengan ahli keluarga setelah berjauhan dengan mereka, dan kepuasan terhadap persekitaran sosial di institusi pengajian yang merangkumi kepuasan terhadap asrama dan aktiviti kokurikulum yang ditawarkan di institusi pengajian. Selain tuntutan akademik dan sosial, pelajar juga berhadapan dengan tuntutan daripada aspek psikologi dan fizikal. Kedua-dua aspek ini boleh dinilai melalui dimensi penyesuaian ketiga, iaitu dimensi penyesuaian peribadi-emosi (PPE). Daripada aspek psikologi pelajar, tuntutan yang perlu dipenuhi oleh pelajar adalah seperti kestabilan emosi, pengawalan perasaan dan fikiran, tekanan, dan keimbangan. Daripada aspek psikologi pelajar, tuntutan yang perlu dipenuhi oleh pelajar adalah seperti kestabilan emosi, pengawalan perasaan dan fikiran, tekanan, dan keimbangan. Daripada aspek fizikal pula, tuntutan yang dihadapi oleh pelajar meliputi aspek seperti kecergasan fizikal, waktu tidur, selera makan, dan keadaan berat badan. Dimensi penyesuaian terakhir yang perlu dipenuhi oleh pelajar ialah dimensi komitmen matlamat/perapatan institusi (KMPI). Dimensi ini memerlukan pelajar membentuk satu darjah kepuasan terhadap pendidikan secara umum dan terhadap institusi pengajian, pelajar belajar secara khusus. Darjah kepuasan ini dinilai berdasarkan komitmen pelajar terhadap matlamat pendidikan dan institusi pengajian, dan kualiti hubungan yang terbina antara pelajar dengan institusi pengajian.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan kecerdasan emosi dan penyesuaian terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.





1.3 Pernyataan Masalah

Dalam abad ke-21 ini, Malaysia menghadapi cabaran baharu kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Sehubungan dengan itu, Malaysia memerlukan insan guru yang celik TMK, progresif dan mempunyai kecerdasan emosi tinggi dan penyesuaian dalam menghadapi kerentenan pelajar masa kini.

Pelajar IPGM merupakan aset dan khazanah negara yang paling utama, bernilai dan berharga dalam menghasilkan modal insan kelas pertama. Pelajar IPGM terdiri daripada remaja yang berjauhan daripada keluarga dan memerlukan penyesuaian diri dalam kehidupan sehari-hari mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa pelajar pada hari ini merupakan tulang belakang dan tunggak yang bakal memimpin negara pada masa akan datang. Mereka juga merupakan teraju utama dalam pembangunan generasi muda ke arah negara maju 2020. Bagi mencapai matlamat ini, pelajar-pelajar IPG dibekalkan dengan ciri-ciri individu yang mengenali diri, menyedari peranannya, bertanggungjawab serta memiliki peribadi yang bersepadu. Oleh itu penekanan daripada aspek rohaniah, akhliah, jasmaniah, berdikari, bersemangat sukarela dan menjadi penggerak terhadap kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial perlu dititikberatkan. Kecerdasan emosi merupakan aspek yang paling penting perlu ada dalam diri setiap pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia memandangkan mereka merupakan bakal guru yang akan memimpin generasi yang akan datang.





Secara keseluruhannya penyesuaian terdiri daripada domain akademik, sosial dan emosi. Manakala emosi mempunyai tujuh domain. Kajian Maria (2004) didapati bahawa domain penyesuaian mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui sama ada terdapat domain-domain lain yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Penyesuaian dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru bukanlah merupakan isu yang baharu dibincangkan bahkan sehingga kini masih lagi mendapat perhatian hingga ke peringkat antarabangsa (Feldt et. Al. 2011). Fasa penyesuaian yang perlu dihadapi ketika berada pada tahun pertama (Baker dan Siryk, 1986) mungkin merupakan cabaran yang paling hebat yang perlu dihadapi sepanjang mereka bergelar pelajar (Feldt at al., 2011). Kajian-kajian lain yang menyokong kajian ini ialah Tan (2014) dan Baskaran (2018).

Perubahan persekitaran pasti terjadi dalam kehidupan setiap pelajar Institut

Pendidikan Guru. Perubahan persekitaran ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk perpindahan ke tempat lain, (Maria, 2004) . Atas tujuan pembelajaran, individu sanggup merantau mencari ilmu demi menjamin masa hadapan yang lebih baik. Perubahan persekitaran di tempat baharu memerlukan pelajar menyesuaikan diri dalam persekitaran yang baharu. Keupayaan menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu akan memberi kesan kepada kesejahteraan hidup secara psikologikal dan fizikal yang kemudiannya akan menentukan prestasi akademik mereka.

Penyesuaian merujuk kepada satu proses dinamik yang menuju ke arah pencapaian dengan kesepadan yang sesuai antara seorang individu dengan persekitarannya (Ramsay et. al. 2007). Peralihan ke tahap pendidikan tinggi ialah satu tempoh kehidupan seseorang yang akan mengalami perubahan (Shankland et. al. 2010), manakala perubahan memerlukan penyesuaian. Oleh itu penyesuaian





kehidupan di kolej atau institusi pengajian tinggi ialah satu proses yang mencabar bagi kebanyakan pelajar.

Shankland et al. (2010) menyatakan bahawa kualiti penyesuaian boleh diukur dengan ciri-ciri seperti kesejahteraan hidup secara fizikal, psikologikal serta keputusan akademik yang baik. Penyesuaian yang berjaya dapat dilihat apabila seseorang boleh berintegrasi secara sosial dengan pelajar lain, melibatkan diri dalam kampus dan memenuhi keperluan akademik.

Kajian Maria (2008) juga mendapati tahap penyesuaian dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi awam berada pada tahap sederhana. Kajian yang pernah dilakukan oleh Noriah dan Zuria (2003) menunjukkan bahawa penyesuaian di institusi boleh memberikan tekanan dan cabaran kepada kebanyakkan pelajar. Namun, kajian seperti ini belum pernah dijalankan di Institut Pendidikan Guru. Sejarar 05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptuppsi dengan anjakan keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025 yang mahu menjadikan profesion perguruan sebagai profesion berprestij dan terpilih di samping melahirkan bakal guru yang cemerlang akademik, maka isu penyesuaian tidak boleh dipandang mudah kerana isu ini boleh menjadi fasa kritikal bagi seseorang pelajar dan mempengaruhi pencapaian akademik.

Pengalaman melanjutkan pelajaran ke peringkat Institut Pendidikan Guru sewajarnya merupakan satu pengalaman yang amat memberangsangkan dan memberi kepuasan kepada pelajar. Namun begitu, terdapat sebilangan pelajar yang kurang mampu menghadapi corak dan cabaran kehidupan di kampus dan boleh menjelaskan pengajian mereka. Kajian lepas menunjukkan ramai pelajar tidak dapat meneruskan pengajian mereka kerana tidak mampu menangani berbagai-bagai masalah yang dihadapi di kampus. Tinto (1996), melaporkan bahawa 40% daripada pelajar yang mengikuti pengajian empat tahun di Amerika Syarikat gagal memperoleh





ijazah, dan 57% meninggalkan universiti sebelum tiba sesi pengajian tahun kedua. Hasil kajian yang dijalankan oleh Wintre dan Bowers (2007) di sebuah universiti di Kanada (944 orang pelajar) pula menunjukkan 57.9% daripada pelajar universiti tersebut bergraduat, 9% masih berdaftar sebagai pelajar, manakala 33.1% tidak berdaftar dan tidak bergraduat.

Pengenalpastian tahap kecerdasan emosi adalah penting kepada pelajar IPG dalam menilai keberkesanan diri dan seterusnya menjadi pemangkin ke arah peningkatan kualiti sumber manusia. Pelajar IPG yang tinggi kecerdasan emosinya berkemungkinan mempunyai komitmen organisasi yang tinggi kerana mereka mengenali diri sendiri, sentiasa menjaga hubungan yang baik dengan orang lain serta cuba menjadi individu terbaik.

Kajian Maria (2004) dan Noriah, Ramlee, Zuria dan Siti Rahayah (2006) menunjukkan bahawa guru-guru di Malaysia mempunyai skor tertinggi kecerdasan emosi bagi domain-domain spiritual, regulasi kendiri, tetapi skor paling rendah dalam domain kemahiran sosial. Sebagai guru, kemahiran sosial adalah penting dan merupakan kemahiran yang paling asas. Jika pendidik tidak mempunyai kemahiran sosial seperti bertanya khabar, membimbing, memahami, memaafkan, tentulah proses pengajaran dan pembelajaran akan terjejas. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa sebagai pelajar dalam bidang keguruan, kecerdasan emosi memainkan peranan penting ke arah pencapaian akademik pelajar.

Tan, 2014 menjalankan kajian perhubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian praktikum dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru . Kajian ini bertujuan untuk mengetahui lebih mendalam faktor-faktor yang berkaitan dengan kecerdasan emosi yang wujud semasa praktikum dan seterusnya dalam mempengaruhi pencapaian prestasi praktikum seseorang guru pelatih.



Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh beberapa orang pengkaji berkaitan dengan kecerdasan emosi dan penyesuaian, masih belum ada lagi pengkaji yang menjalankan kajian terhadap pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru berfokus terhadap tajuk yang akan dikaji. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan kecerdasan emosi dan penyesuaian terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
2. Mengenal pasti tahap penyesuaian dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
3. Mengenal pasti tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
4. Mengkaji perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina dan opsyen pengajian dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
5. Mengkaji perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina dan status sosioekonomi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
6. Mengkaji hubungan antara domain kesedaran kendiri dengan regulasi kendiri dan motivasi kendiri, empati, kemahiran sosial, kemahiran dan kematangan dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

7. Mengkaji perbezaan tahap penyesuaian berdasarkan jantina dan opsyen pengajian dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
8. Mengkaji perbezaan tahap penyesuaian berdasarkan jantina dan status sosioekonomi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
9. Mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dengan penyesuaian dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
10.
 - a. Mengkaji pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian sosial dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
 - b. Mengkaji pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
 - c. Mengkaji pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian emosi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
11. Mengkaji pengaruh kecerdasan emosi dan penyesuaian ke atas pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.



1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
2. Apakah tahap penyesuaian dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
3. Apakah tahap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
4. Apakah terdapat perbezaan tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina dan opsyen pengajian dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
5. Adakah terdapat tahap perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan jantina dan status sosioekonomi dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
6. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan kendiri dengan regulasi kendiri dan motivasi kendiri, empati, kemahiran sosial, kemahiran dan kematangan dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
7. Adakah terdapat perbezaan tahap penyesuaian berdasarkan jantina dan opsyen pengajian dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
8. Adakah terdapat perbezaan tahap penyesuaian berdasarkan jantina dan status sosioekonomi dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
9. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan penyesuaian dan pencapaian akademik?





10. a. Adakah terdapat pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian sosial dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
- b. Adakah terdapat pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
- c. Adakah terdapat pengaruh kecerdasan emosi terhadap penyesuaian emosi dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?
11. Adakah terdapat pengaruh kecerdasan emosi dan penyesuaian terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar-pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia?

1.6 Hipotesis Kajian



Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina dan opsyen pengajian dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia

Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kecerdasan emosi berdasarkan jantina dan status sosioekonomi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

Ho 3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran dan kendiri dengan regulasi kendiri, motivasi kendiri, empati, kecerdasan sosial, rohani dan kematangan) dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penyesuaian berdasarkan jantina dan opsyen pengajian dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.





Ho 5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penyesuaian berdasarkan jantina dan status sosioekonomi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

Ho 6 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan penyesuaian dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

Ho 7 : a. Tidak terdapat pengaruh kecerdasan emosi yang signifikan terhadap penyesuaian sosial dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

b. Tidak terdapat pengaruh kecerdasan emosi yang signifikan terhadap penyesuaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

c. Tidak terdapat pengaruh kecerdasan emosi yang signifikan terhadap penyesuaian emosi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.




Ho 8: Tidak terdapat pengaruh yang signifikan dalam kecerdasan emosi dan penyesuaian terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru di Malaysia.



1.7 Kerangka Konsep

KERANGKA KONSEP KAJIAN

Pemboleh ubah bebas Pemboleh ubah bersandar



Rajah 1.7. Kerangka Konsep (diubah suai berdasarkan Model Kepintaran Emosi Goleman-Noriah et al, 2004)



Goleman (1999) mencadangkan bahawa kecerdasan emosi boleh dikaitkan dengan dua jenis kompetensi, iaitu kompetensi peribadi dan kompetensi sosial. Kedua-dua kompetensi tersebut diwakili oleh sejumlah lima domain seperti berikut: kesedaran kendiri (*self-awareness*), regulasi kendiri (*self-regulation*), motivasi kendiri (*self-motivation*), empati (*empathy*), dan kemahiran bersosial (*social skills*). Namun begitu, daripada kajian yang telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (Noriah et al. 2003) didapati wujud penambahan dua domain yang memainkan peranan penting dan turut menyumbang terhadap kepintaran emosi seseorang. Dua domain tambahan tersebut ialah kerohanian (*spirituality*) dan kematangan (*maturity*). Setiap domain di atas diterangkan seperti berikut:

1.8 Definisi Konsep dan Operational



Definisi konsep dan operational yang digunakan dalam kajian ini ialah :-

1.8.1 Kecerdasan Emosi

Menurut Mayer et al. (1999) kecerdasan emosi ditakrifkan sebagai kebolehan untuk mengenal pasti makna-makna emosi dan hubung kaitnya, boleh menaakul dan menyelesaikan masalah berdasarkan emosi tersebut. Weisenger (2000) pula menyatakan bahawa kecerdasan emosi ialah kepintaran menggunakan emosi secara sengaja untuk membentuk tingkah laku dan pemikiran ke arah meningkatkan pencapaian sesuatu matlamat.





Menurut Vittesse (1999), kecerdasan emosi ialah keupayaan untuk mengesan, memahami dan menggunakan kuasa ketajaman fikiran, emosi sebagai sumber tenaga, maklumat dan pengaruh dengan lebih efektif. Kecerdasan emosi wujud daripada hati manusia dan bukannya daripada pengetahuan. Melalui kecerdasan emosi, seseorang itu dapat memahami dan menilai perasaan diri sendiri dan orang lain.

Manakala Goleman (1999) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kebolehan menyedari, mengenal pasti dan mengurus emosinya sendiri serta menjalin hubungan yang mesra di samping memiliki motivasi kendiri. Mayer, Salovey dan Caruso (2000) juga menyatakan kecerdasan emosi sebagai tingkah laku individu yang mengintegrasikan emosi dan pemikiran dalam konteks hubungan dalam masyarakat. McCallum dan Piper (2000) pula mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai satu konstruk (merangkumi emosi, kemahiran personal dan kemahiran sosial) yang mempengaruhi keupayaan keseluruhan individu menguasai cabaran dan tekanan dalam persekitaran.

Woolfolk (2004) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan memproses maklumat emosi secara tepat dan efisien, manakala Lynn (2002) pula mentakrifkan kecerdasan emosi sebagai kebijaksanaan mengurus diri dan bergaul dengan individu lain.

Dalam konteks kajian ini, kecerdasan emosi ialah kemampuan dan potensi yang dimiliki oleh pelajar-pelajar dalam mengendalikan perasaan kendirinya, pemahaman diri sendiri dan individu lain. Perkara tersebut boleh diterap dan direalisasikan melalui sikap, tingkah laku seharian dan tindakan dijalankan terhadap diri sendiri dan individu lain. Dalam kajian ini, kecerdasan emosi diukur menggunakan instrumen Inventori Kecerdasan Emosi Remaja (IKEM) oleh Noriah, 2004.



Kesedaran kendiri

Kesedaran kendiri ialah kebolehan mengetahui keadaan dalaman, pemilihan yang ingin dilakukan, sumber-sumber dan institusi yang terdapat dalam diri individu tersebut.

Regulasi Kendiri

Regulasi kendiri ialah kebolehan seseorang untuk menilai keadaan dalaman, naluri dan sumber-sumber yang wujud dalam dirinya.

Motivasi Kendiri

Motivasi kendiri ialah kecenderungan emosi dalam membimbing atau memudahkan seseorang untuk mencapai matlamat.

Empati

Empati ialah menyedari perasaan, keperluan dan kehendak, masalah atau keperihatinan (*concern*) orang lain.

Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial ialah kemahiran mencetuskan respons yang dikehendaki daripada orang lain.

Kerohanian

Menurut Noriah (2003), domain kerohanian menggambarkan beberapa perkara seperti keredaan, rasa tanggungjawab kepada pencipta serta kebolehan menghayati nilai-nilai agama. Dalam konteks kajian ini, kesedaran tentang tanggungjawab terhadap penciptanya membantu seseorang untuk melaksanakan tugas tanpa rasa jemu dan hal ini seterusnya boleh memberi semangat kepada individu tersebut untuk terus menjalankan tugas. Dapatkan Ini



menunjukkan bahawa seseorang yang sentiasa aktif menjalankan tugasannya untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai seorang manusia kepada penciptanya akan dapat membina aras kerohanian yang tinggi.

Kematangan

Menurut Noriah (2003), domain kematangan ini menggambarkan aspek usia, pengalaman dan pengetahuan seseorang dan kesannya terhadap kecerdasan emosi. Dari segi usia, didapati seseorang itu biasanya akan menjadi lebih matang apabila bertambah usia. Dalam konteks kajian ini, kematangan digambarkan sebagai kebolehan seseorang untuk mengawal tingkah laku apabila usia bertambah. Usia yang meningkat membantu seseorang untuk melakukan muhasabah diri untuk mengenal kelemahan dan kekuatan diri masing-masing.



1.8.2 Penyesuaian

Menurut Baker dan Siyrk (1986), dalam kajian beliau melihat penyesuaian sebagai cara pelajar kolej bergerak balas terhadap keperluan pembelajaran iaitu penyesuaian akademik, sosial dan emosi.

Dalam kajian ini, penyesuaian merujuk kepada penyesuaian akademik, sosial dan emosi. Penyesuaian juga ialah proses pelajar-pelajar dapat menjalani kehidupan seharian dengan selesa terhadap diri sendiri dan dengan individu lain. Penyesuaian akademik bermaksud apabila pelajar mencapai kecemerlangan dengan pencapaian 3.5 hingga 4.00. Penyesuaian akademik terdiri daripada 12 item. Penyesuaian sosial dalam kajian ini bermaksud pelajar mempunyai rakan yang lebih kurang sama bilangannya seperti dalam alam persekolahan dahulu. Pelajar juga mempunyai rakan karib yang boleh dipercayai. Penyesuaian sosial mengandungi 11 item. Penyesuaian





emosi pula bermaksud pelajar berasa gembira dan tenang semasa belajar di Institut Pendidikan Guru kampus masing-masing, mudah menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah, mempunyai rutin belajar yang selesa, berasa selesa sama ada di dalam kelas atau pun di kolej kediaman, tidak keliru, tidak bingung dan tidak selalu berasa tersingkir, kesunyiaan dan “rindu rumah”. Pelajar juga mempunyai rakan karib yang disenangi dan boleh bekerjasama, boleh diajak berbincang dan boleh juga dijadikan tempat untuk mencerahkan rahsia hati. Penyesuaian emosi banyak bergantung pada penyesuaian sosial. Penyesuaian emosi terdiri daripada 7 item.

1.8.3 Pencapaian Akademik atau Purata Nilai Gred Semester (PNGS)



Pencapaian akademik dalam kajian ini merujuk pada prestasi pelajar Institut Pendidikan Guru dalam peperiksaan mengikut semester. Sistem Penilaian di Institut Pendidikan Guru dikenali sebagai Sistem Penilaian Purata Nilaian Gred Semester (PNGS). Semua nilai gred yang dicapai oleh pelajar dalam subjek teras dan elektif pada akhir semester akan dicampur dan dibahagi dengan jumlah jam kredit yang terkumpul untuk mendapat Purata Nilaian Gred Semester (PNGS) tersebut. Timbunan Purata Nilaian Gred (TPNG) ialah nilai purata gred dalam semua kursus teras dan elektif yang telah diambil oleh pelajar bagi semua semester. Dalam sistem ini setiap kursus dinilai dengan memberi gred yang mengukur pencapaian pelajar dalam kursus tersebut. Setiap gred mempunyai nilai seperti jadual berikut.





Jadual 1.1

Purata Nilaian Gred (PNG)

| GRED | NILAI |
|------|-------|
| A | 4.0 |
| B+ | 3.5 |
| B | 3.0 |
| C+ | 2.5 |
| C | 2.0 |
| D | 1.0 |
| F | 0.0 |

1.8.4 Opsyen Pengajian

Menurut Su (2000), aliran pengajian merujuk kepada pengkhususan sains, teknik dan sastera bagi pelajar-pelajar menengah atas. Dalam kajian ini opsyen ialah bidang pengajian yang diikuti oleh pelajar di Institusi Pendidikan Guru di Malaysia. Opsyen tersebut ialah Pendidikan Khas, Pemulihhan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

1.8.5 Status Ekonomi Sosial

Status ekonomi sosial dalam kajian ini ialah jumlah pendapatan keluarga iaitu ibu, bapa atau penjaga pelajar. Terdapat lima kategori status ekonomi sosial, iaitu pendapatan kurang daripada RM1,500.00, kedua pendapatan RM1,001.00 hingga RM1,500.00, ketiga pendapatan RM1501-RM 3,000.00, keempat pendapatan dari RM 3,001.00-RM 5,000.00 dan yang kelima pendapatan lebih daripada RM 5,0000.00.



1.8.6 Pelajar Institut Pendidikan Guru

Habibah dan Fauziah (1997), menyatakan bahawa remaja merupakan zaman peralihan dalam pusingan hidup seseorang. Banyak perubahan berlaku pada zaman ini dari segi fizikal, emosi dan satu jangka masa yang sukar dalam perkembangan seseorang. Zaman ini dianggap satu jangka masa yang menjadi jambatan antara peringkat kanak-kanak dengan dewasa. Menurut Mahmood Nazar (2001), remaja ialah satu masa peralihan sementara daripada zaman kanak-kanak ke zaman dewasa yang bermula apabila baligh sehingga permulaan dewasa. Waktu remaja ialah satu masa yang kompleks. Dalam kajian ini remaja yang dimaksudkan ialah pelajar PISMP Ambilan Jun 2016 Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

Kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru memainkan peranan yang terpenting dalam menjalani kehidupan seharian. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi ialah *master aptitude* kerana kecerdasan ini mengawal penggunaan intelek dan kebolehan yang lain. Kecerdasan emosi juga penting kerana kecerdasan intelek semata-mata tidak menjamin kesejahteraan dan keharmonian diri serta hubungannya dengan masyarakat.

Melalui kecerdasan emosi, seseorang pelajar Institut Pendidikan Guru akan mahir menguruskan perasaan serta membentuk konsep kendiri yang positif. Pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi seperti mudah mengawal emosi, berkeyakinan, mesra dan mudah didekati akan lebih disenangi oleh rakan sebaya, keluarga, guru-guru serta masyarakat sekelilingnya. Menurut Maurice (1999), pelajar



yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mempunyai gred yang lebih baik daripada pelajar yang cerdas dari segi intelek tetapi tidak cerdas dari segi emosi.

Menurut Noorlida (2004), seseorang guru juga perlulah mengetahui dan menimbangkan perasaan setiap pelajar kerana setiap pelajar mempunyai kecerdasan emosi yang berbeza. Sekiranya keperluan tersebut tidak dapat dipenuhi, pelajar akan berasa kecewa. Pelajar akan menunjukkan kekecewaan mereka dengan pelbagai cara dan biasanya dikenali sebagai perbuatan atau tindakan yang tidak baik.

Kajian ini juga amat penting bagi sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi yang ingin memantapkan kursus pengajiannya ke arah membina pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Salah satu matlamat kecerdasan emosi adalah untuk membantu pengajar, terutamanya guru dalam mempraktikkan teori kecerdasan emosi. Keadaan ini dapat dicapai dengan menggunakan kecerdasan emosi mereka sendiri dan kemudian mengaplikasikannya kepada pelajar. Hal ini akan memberikan kesan yang positif kepada guru-guru dan pelajar-pelajar.

1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan mempunyai beberapa batasan yang menghadkan dapatan kajian. Sampel kajian terdiri daripada 400 orang pelajar Institut pendidikan guru di Malaysia yang terdiri daripada lelaki, perempuan dan mengikut opsyen. Sampel kajian dibataskan kepada 5 IPGM di Semenanjung Malaysia, tidak termasuk IPGM di Sabah dan Sarawak.



Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah adaptasi Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia (IKEM-MEQI Remaja) versi 2 yang telah dibina oleh sekumpulan pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia yang terbahagi kepada tujuh domain dan mengandungi 104 item.

Pengkaji juga menggunakan adaptasi instrumen *Student Adaptation to College Questionnaire (SACQ)* oleh Noriah, 1999b) Versi Asia yang terdiri daripada 30 item, iaitu penyesuaian akademik 12 item, penyesuaian sosial 11 item dan penyesuaian emosi 7 item.

1.11 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan beberapa perkara penting kajian yang akan dijalankan. Huraian mencakupi kecerdasan emosi pelajar serta latar belakang kajian. Bab ini juga mengandungi definisi istilah, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Fokus utama kajian ialah kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar. Perkara ini penting memandangkan pelajar yang merupakan aset utama negara pada masa hadapan sering terdedah dengan berbagai-bagai pengaruh negatif dalam era globalisasi. Sehubungan dengan itu, penekanan kecerdasan emosi dalam pendidikan ialah satu langkah yang wajar demi merealisasikan remaja yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Bab ini turut membincangkan masalah kajian, batasan kajian dan kepentingan kajian. Masalah kajian diperlukan untuk menjawab persoalan sebab-sebab kajian dijalankan. Batasan kajian pula menghadkan skop pentafsiran dapatan agar tidak melangkaui data yang diperoleh. Kepentingan kajian juga diperlukan untuk mengetahui manfaat yang diperoleh daripada dapatan kajian ini.